

02/02/2003

Fatimah Hashim: Srikandi Melayu moden

SAYA mula mengenali Tan Sri Fatimah Hashim sekembali dari Amerika Syarikat pada tahun 1962, lebih akrab lagi apa kala saya dilantik Setiausaha Politik pertama dalam sejarah negara pada bulan Oktober 1963 dan bertugas di pejabat peribadi Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Razak di Jalan Datuk Onn.

Persahabatan kami waktu itu begitu intim kerana kami berdua rapat dengan

Tun Razak dan orang kepercayaannya, apa lagi saya sentiasa hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Politik (Biro Politik) Umno yang dipengerusikan oleh Tun Razak sendiri. Biro Politik yang sangat berpengaruh itu menentukan dasar perjuangan, strategi dan matlamat politik parti dan bila

pilihan raya umum berlangsung. Keputusannya selalu diterima oleh Majlis Tertinggi Umno kerana anggotanya terdiri daripada Timbalan Presiden, tiga

Naib Presiden, Ketua Pemuda, Ketua Wanita, Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan. Setiausaha Kerja Umno dan Setiausaha Politik TPM hadir sebagai

ex-officio (kerana jawatan). Bendahari parti tidak menjadi anggota.

Tan Sri Fatimah Hashim telah menulis surat kepada saya meminta saya menjadi satu sumber kepada penulisan buku biografinya yang dilancar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pagi Jumaat lepas. Saya bersetuju kerana saya menghormatinya apa lagi saya berkenan dengan penulisnya - Dr Nik Safiah Karim dan Dr Rokiah Talib - kedua-duanya kenalan saya. Kami berbincang tentang kegiatan politik Fatimah pada peringkat teratas. Apa yang dimuatkan dalam buku itu hanya "seringkas ringkasan", contoh-contoh ketegasan dan dia tidak seperti "lalang" tidak diketengahkan kerana barangkali menjaga perasaan, baik yang masih hidup atau sudah meninggal dunia.

Apa pun, biografi Fatimah: Potret Seorang Pemimpin ini walaupun tidak definitif, terlampau pendek; sekadar satu pengkisahan saja, tiada penilaian terperinci dan lain-lain - adalah satu usaha yang baik dan harus

dipuji. Saya telah membaca banyak karya biografi Melayu yang sebenarnya tidak lebih daripada CV (profil dan biodata) saja. Ramai pembaca yang ingin membaca biografi yang sebenarnya: warts and all - kebaikan dan keburukan, kejayaan dan kegagalan, kawan dan musuh, kekuatan dan kelemahan

dan perkara-perkara lain yang melukiskan seseorang itu secara objektif, menggambarkan subjek itu seperti yang wujud, bukan seolah yang ideal.

Role Model terbaik

Apa yang menarik tentang Fatimah, bagi saya, ialah dia seorang role model (satu contoh yang harus diikuti) yang mesti diketengahkan dalam masyarakat Melayu. Fatimah walaupun hanya lulus sekolah rendah Melayu (darjah lima saja), dia mempunyai daya dan dimensi pemikiran yang lebih segar, bernas, asli dan berani daripada sesetengah pemilik ijazah Doktor

Falsafah (PhD) sekarang.

Saya sedikitpun tidak hairan kenapa Tun Razak mencadangkan Fatimah kepada Tengku Abdul Rahman Putra untuk menggantikan (Ketua Pergerakan Kaum

Ibu waktu itu) tempat yang dikosongkan oleh Khatijah Sidek (yang terlampau

radikal bagi Tengku). Selama saya dalam politik, saya melalui tiga Ketua Wanita - Fatimah, Aishah Ghani dan Rafidah Aziz. Ketiga-tiga ada kekuatan

dan kelemahan tetapi Fatimah lebih demokratik, lebih lurus, tidak terlampau gila kuasa - saya kira dia juga lebih transparent. Ini sebagai bandingan, tidak pula bermakna Aishah dan Rafidah tidak transparent!

Beberapa tahun lepas, saya telah menulis satu rencana tentang Fatimah dalam Business Times memberi penilaian sementara pada kaliber dan impak kepemimpinannya atas Pergerakan Kaum Ibu bagi kebebasan dan peningkatan taraf dan hak wanita keseluruhannya. Rafidah telah membawa wanita Melayu ke New Frontiers (sempadan baru) yang wanita Melayu dan Malaysia tidak terlintas dalam imaginasi mereka sebelum wanita terpelajar seperti Rafidah

dan rakan-rakannya bergiat dalam politik sepenuh masa.

Siapa kemudi melalui Gelombang Ketiga?

Kini Gelombang Ketiga (third wave) sedang melanda politik negara dan Umno. Kehadiran Puteri Umno yang mula-mulanya ditentang dan tidak disenangi Wanita Umno, tetapi kini sudah diterima, kalau pun tidak mesra,

dengan pelukan yang agak meyakinkan. Fatimah mewakili peringkat akhir Gelombang Pertama dan Rafidah Gelombang Kedua. Siapa pula akan mengemudi bahtera Wanita Umno belayar melalui Gelombang Ketiga, dan pada pendapat saya, terpenting (crucial) dalam sejarah Umno?

Saya amat gembira berjumpa ramai sahabat, kawan hatta musuh lama pada hari pelancaran; sungguhpun lanjut umur, ramai masih sihat dan segar, ada

juga yang uzur, satu dua jelas terlalu uzur. Mungkin pagi Jumaat lepas adalah perjumpaan terakhir dengan sesetengah di antara mereka!

Kini ramai di antara kita hanya bersua dengan rakan-rakan sekolah, sedarjah, sepejabat dan separti dalam majlis perkahwinan, kematian, ulang

tahun keputeraan raja-raja, perhimpunan agung, persatuan atau parti; kadang kala di majlis konvokesyen anak atau cucu, dan jarang sekali di majlis pelancaran buku sebab tidak ramai menulis, maka tidak banyaklah pula buku yang hendak dilancarkan. Saya rekomen biografi ini dimiliki oleh

setiap wanita yang bercita-cita masuk politik dan yang sudahpun dalam politik.

Stoplah berebut-rebut cari publisiti... sedia berundur

Seperti kata Dr Mahathir apa nak heboh sangat: keputusan untuk mengekal

atau menggugur seseorang menteri, menteri besar, ahli Parlimen atau Dewan

Undangan Negeri akan ditentukan oleh pucuk pimpinan lainlah kalau mahu mendahului apa yang akan menimpa diri.

Kalau pilihan raya umum berlangsung sebelum Persidangan APEC di Bangkok,

yakni selepas Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara Islam (OIC) di

Kuala

Lumpur, siapa akan dipilih semula, siapa diketepikan dan siapa pula muka baru, akan ditentukan pada keseluruhannya seperti lazim oleh Presiden Umno. Kalau pemilihan umum berlaku selepas Dr Mahathir bersara, berduyun-duyunlah mereka ke rumah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula - merayu, menangis, membodek, meraung dan melobi.

Berdasarkan pengalaman saya, lebih ramai pada masa silam yang dikekalkan daripada yang tidak dipilih, saya jangka kali ini mungkin lebih ramai yang kena pergi dari yang terus mempertahankan kedudukan; sebaik ratio 60 peratus muka baru, 40 peratus lama, atau 50-50. Terpenting adalah apabila menentukan calon - pilihlah mereka yang ada peluang besar untuk menang. Kelayakan dan umur (walaupun mustahak) tidak harus mendahului peluang kemenangan. Lagi pun, mereka yang potensinya terhad, buat apa bertanding lagi? Berilah peluang kepada orang lain pula. Masakan mahu menongkat langit sebagai Timbalan Menteri. Masakan kulit begitu tebal!

Tiada ganti pengalaman

Perlu diingat juga, mentang-mentang mahu muka baru, jangan alpa; tiada tukaran bagi pengalaman. Teringat tidak berapa lama dulu seorang yang berpengaruh, kerana dia begitu yakin dia akan jadi Perdana Menteri, telah

meminta nasihat saya. Saya secara ikhlas berkata: Pakai orang yang berpengalaman, jangan hanya muda belaka; mereka belum teruji.

Dengan agak sombong dia berkata: "You mahu saya ambil youkah?"

"Tidak", ujar saya. "Anda minta nasihat saya kan,?"

Pendek cerita, kalau orang ini dengar cakap saya jangan keterlaluan main politik dan syok bergantung kepada mereka yang belum teruji, saya rasa (dengan pertolongan Allah swt) dia masih dalam kerajaan lagi, mungkin matlamatnya sudahpun tercapai.

Manusia merancang Allah melaksanakan. Tolonglah ingat sedikit - Musa, Mamat, Salleh, Dollah, Sazali, Najmi dan Udin. Segala options (pilihan) mesti terbuka. Jangan gopoh hendak menukar orang itu, orang ini semata-mata hendak beri jawatan kepada pembodek dan kawan tanpa mengira kebolehan.

Bahasa Inggeris: Bahasa pengantar tunggal di sekolah Filipina

Presiden Gloria Arroyo tetap mempertahankan keputusannya mewajibkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar tunggal di sekolah dan universiti di Filipina. Tegasnya, keputusan itu terpenting bagi menjamin masa depan rakyat Filipina dalam desa global.

Majoriti orang Filipina boleh berbahasa Inggeris ala Filipina kerana itu walaupun negara itu penduduknya hanya satu per tiga daripada Indonesia, tenaga manusia yang dieksport Filipina langsung membantu kutipan tukaran wang asing negara mereka, lebih ramai daripada Indonesia. Umpamanya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, ramai pekerja rendah dan setiausaha terdiri daripada orang Filipina, seperti juga di Perutusan Tetap Malaysia di Tudor City New York: Mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Arroyo, orangnya kecil tetapi berani dan tegas semata-mata kerana mahu menjadikan negara dan bangsa tidak terkeluar, dari arus perdana dunia. Sebenarnya ramai orang kita sudah pun celik mata. Saya tetap berpendirian dwi-bahasa hatta trilingual mustahak. Junjung bahasa ibunda, kelek bahasa Inggeris dan bahasa ketiga pilihan anda.

Seks di Singapura: 25 peratus lelaki saja mahu lebih enam kali tiap bulan

Lelaki Singapura mengikut satu kajian yang meliputi 1,000 orang lelaki dan wanita berumur bawah 40 tahun hanya 25 peratus saja ingin hubungan seks lebih enam kali satu bulan. Tegas Profesor Victor Goh dari Universiti

Nasional Singapura: "Mereka begitu tertekan (too stressed) selepas kerja...". Keinginan seks jatuh kepada 10 peratus di kalangan wanita.

Kadar kelahiran (bayi) di pulau itu menurun, kini pada peringkat 1.4 bayi tiap perempuan di bawah kadar 2.1 untuk mengekalkan tahap kelahiran bagi mengekalkan jumlah penduduk sekarang (empat juta) pada masa ke muka.

Bagi menggalakkan agar tahap kependudukan itu dapat dipertahankan, pemerintah pulau itu ingin melihat asmara yang lebih berahi dan ghairah berlangsung, terutama di kalangan mereka yang terpelajar bagi menjamin negara itu terus maju. Saya amat faham problem yang dihadapi mereka, semoga usaha "asmara dan perkahwinan yang dirancang" berjaya.

Singapura oh Singapura!

Saya suka lihat hubungan kita dengan Singapura baik kerana kedua-dua jiran terdekat yang satu masa sebenarnya satu bangsa dan negara. Tetapi bagi menjalin hubungan akrab, mereka mestilah menghormati kita dan kita pula faham perangai dan tingkah laku mereka.

Seperti ditegas Dr Mahathir, orang Singapura digalak melawat dan melabur di Malaysia. Kita faham Singapura sedang melalui satu pengalaman (ekonominya tidak berkembang, bahkan menurun) yang tidak pernah dilaluinya semenjak Merdeka dari Malaysia pada tahun 1965. Tetapi janganlah pula kerana itu Singapura bersikap belligerence (mahu bermusuhan dan berperang) sebagai satu taktik untuk memperkukuhkan solidariti rakyatnya dan mengalih perhatian ke lain daripada tekanan ekonomi dan sosial yang dialami mereka sekarang.

Kita tidak bermusuhan dengan rakyat Singapura. Problem yang timbul ialah keengganan pemerintah pulau itu menimbang permintaan kita agar harga air dinaikkan dari tahap sekarang - masakan harganya tiga sen satu gelen!

Kita

satu bangsa yang prihatin, terkenal berbudi bahasa, lagi bertimbang rasa dan berperilaku kemanusiaan tidak berhajat untuk memberhentikan bekalan air ke

pulau itu: Kita hanya mahu harga air itu dinaikkan agar ia sesuai dengan tuntutan ekonomi dan masa. Masakan itupun mereka tidak boleh lakukan sebagai tanda mereka dan kita berkawan baik? Janganlah kerana beberapa ringgit dan sen menyulit dan membahayakan hubungan sejarah, talian persaudaraan dan geografi. Kan Singapura mampu?

Inilah perbezaan yang terserlah antara kita dan Singapura: Kita

pemurah,
mereka terlampau berkira sangat!